



SIDANG MEDIA KHAS
YAB KETUA MENTERI SARAWAK
8 MEI 2020 @ 3.00 PETANG

BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 3.0
Bantuan Rakyat Yang Lebih Inklusif

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama kali saya ingin memanjat syukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurnianya, kita dapat sama-sama berjumpa sekali lagi. Saya berharap anda semua sentiasa diberi kesihatandan keselamatan.

Sekarang adalah masa yang sangat mencabar bagi kita kerana banyak industri dan perniagaan tidak dapat

beroperasi seperti biasa. Ramai telah kehilangan punca pendapatan. Ini secara langsung telah menjejaskan kehidupan seharian masyarakat secara keseluruhannya bukan sahaja di Sarawak bahkan di seluruh Malaysia dan dunia.

Walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), aktiviti perniagaan masih tidak dapat dilakukan seperti biasa. Ramai masih lagi mengambil sikap berhati-hati. Namun, kita perlu bersedia menyesuaikan diri dengan *norma baharu* ini dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengekang penyebaran wabak COVID-19.

Pada 23 Mac 2020 yang lalu, saya telah mengumumkan BKSS 1.0 dan diikuti oleh BKSS 2.0 pada 10 April 2020. Secara keseluruhannya, kedua-dua Pakej ini yang berjumlah **RM2.25 bilion** adalah bertujuan untuk meringankan beban kewangan rakyat, para peniaga dan industri, akibat wabak COVID 19.

Langkah-langkah yang telah saya diumumkan dalam Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 1 dan 2 yang lepas, meliputi:

- (1) Pembayaran tunai kepada rakyat golongan B40;
- (2) Penangguhan pembayaran pinjaman dan pinjaman mudah tanpa faedah untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- (3) Diskaun bil utiliti untuk pengguna di Sarawak;
- (4) Pengecualian bayaran lesen perniagaan serta diskaun sewa gerai untuk para peniaga; dan
- (5) Bayaran insentif bulanan untuk kakitangan barisan hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19.

Saya percaya langkah-langkah ini telah memberi sedikit kelegaan kepada rakyat dan para peniaga serta pemain industri dalam menghadapi kesukaran disebabkan oleh COVID-19.

Sehubungan itu, saya dengan sukacitanya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan beberapa pencapaian pelaksanaan BKSS 1.0 dan BKSS 2.0 yang telah dilaksanakan:

- (1) Pembayaran tunai fasa pertama untuk kumpulan B40 di bawah BKSS 1.0 berjumlah **RM97.7 juta** telah dikreditkan ke akaun bank **391,037** penerima bantuan pada **15 April 2020**. Bagi **15,206** penerima bantuan yang tidak mempunyai akaun bank, tuntutan secara tunai melalui BSN boleh dibuat mulai **17 April 2020**;
- (2) Sejumlah **RM3.2 juta** telah dikreditkan ke **12,856** akaun penerima barisan hadapan yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Imigresen, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia pada **27 April 2020**;
- (3) **Lebih 10,000** peniaga dan penjaja yang menyewa pasar dan gerai di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mendapat manfaat daripada pengecualian bayaran permit dan lesen perniagaan dan diskaun **50%** untuk penyewaan pasar dan gerai yang berkuatkuasa pada 1 April 2020 hingga 30 September 2020;
- (4) **2 juta** topeng muka percuma telah diedarkan kepada rakyat sejak 17 April 2020;

- (5) **8,575** penyewa flat Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) telah mendapat manfaat daripada penangguhan sewa sejak April 2020.
- (6) **28,377** Ketua Isi Rumah termasuk **85,000** ahli keluarga mereka telah mendapat manfaat daripada moratorium Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) atas semua pembayaran pinjaman perumahan dan rumah panjang dan caj penyelenggaraan untuk projek perumahan selama 6 bulan mulai April 2020;
- (7) **144** Pengusaha Kecil dan Sederhana di Sarawak telah mendapat manfaat daripada penangguhan pinjaman Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS) mulai April 2020;
- (8) **1,800** penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan telah menerima Pembayaran Geran Khas Fasa Pertama bernilai **RM750** melalui *Sarawak Pay* pada 30 April 2020;
- (9) **366** permohonan telah diterima di bawah Skim Kredit Mikro Sarawak yang melibatkan dana berjumlah **RM14.48 juta**;

(10) Lebih daripada **3,000** Pengusaha Kecil dan Sederhana seluruh Sarawak telah memohon program *SME Special Relief Fund* yang melibatkan dana berjumlah **RM1.3 bilion**. Setakat ini lebih daripada **RM539 juta** telah diluluskan dan baki permohonan masih lagi menunggu kelulusan Bank Negara Malaysia; dan

(11) Selain melaksanakan inisiatif BKSS 2020, Kerajaan Sarawak juga telah melaksanakan Program Pengagihan Bantuan Makanan di seluruh Sarawak dan telah memberi manfaat kepada **380,568** Ketua Isi Rumah.

Saya telah menerima banyak maklumbalas yang positif berkaitan dengan Bantuan Khas Sarawakku Sayang ini. Bantuan yang diterima sedikit sebanyak telah meringankan beban kewangan dan membolehkan mereka untuk meneruskan kehidupan dan aktiviti perniagaan masing-masing.

Saya juga mengambil maklum masih ada rakyat Sarawak yang memerlukan bantuan dalam menghadapi keadaan yang sukar ini. Ini kerana PKP telah dilanjutkan sebanyak **3** kali sejak 18 Mac 2020.

Sebagai Kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab, kita sangat prihatin dengan cabaran dan kesukaran yang dihadapi oleh rakyat.

Setelah mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan dalam Kabinet dan berdasarkan maklumbalas daripada pelbagai pihak, pada petang ini saya akan mengumumkan Bantuan Khas Sarawakku Sayang 2020 yang ketiga atau BKSS 3.0.

BKSS 3.0 mengandungi **7 langkah tambahan** yang lebih inklusif untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Sarawak.

LANGKAH 1: INSENTIF UNTUK KETUA ISI RUMAH B40 TERMASUK BUJANG BERUMUR 21 TAHUN KE ATAS YANG BERPENDAPATAN RM2,000 SEBULAN DAN KE BAWAH DI SARAWAK

Dalam pengumuman BKSS 1.0 sebelum ini, Ketua Isi Rumah kategori B40 di Sarawak yang berpendapatan bulanan **RM4,000** dan ke bawah diberi bantuan tunai bulanan sebanyak **RM250** selama 6 bulan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Sarawak telah menerima banyak maklum balas daripada Ketua Isi Rumah yang layak tetapi tidak tersenarai dalam BKSS 1.0.

Sehubungan ini, Kerajaan Sarawak telah membuka peluang bagi Ketua Isi Rumah yang layak untuk membuat rayuan secara atas talian atau melalui Pejabat Daerah yang berhampiran mulai 18 April sehingga 28 April 2020.

Berdasarkan rayuan tersebut, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Sarawak akan menyalurkan bantuan pembayaran secara tunai sebanyak **RM1,500** kepada anggaran **30,000** Ketua Isi Rumah yang sebelum ini tidak tersenarai di bawah BKSS 1.0.

Saya juga dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Sarawak akan memberi bayaran tunai secara *one-off* iaitu sekali sebanyak **RM500** kepada **377,806** individu bujang yang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan di bawah **RM2,000** sebulan.

Langkah ini dijangka akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM234.0 juta**.

LANGKAH 2: TAMBAHAN UNTUK GERAN KHAS RM750 KEPADA PENJAJADAN PENIAGA KECIL YANG BERDAFTAR DENGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MELALUI *SARAWAK PAY*

Dalam BKSS 2.0, saya telah mengumumkan Geran Khas berjumlah **RM1,500** kepada para penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dibayar secara 2 peringkat iaitu **RM750** pada bulan Mei dan **RM750** pada bulan Julai 2020.

Memandangkan para penjaja dan peniaga kecil merupakan golongan yang paling terkesan oleh wabak ini, sukacita saya mengumumkan Kerajaan Sarawak akan menambah Geran Khas ini selama sebulan lagi iaitu sebanyak **RM750** kepada mereka.

Dengan tambahan ini, setiap penjaja dan peniaga kecil akan menerima secara keseluruhannya sejumlah **RM2,250** melalui Geran Khas ini. Saya berharap tambahan sebulan lagi akan membantu golongan ini yang terjejas dari segi pendapatan pada masa ini.

Bantuan Geran Khas ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM48.75 juta**.

LANGKAH 3: ELAUN BULANAN KHAS PETUGAS BARISAN HADAPAN YANG MENANGANIWABAK COVID-19 DI SARAWAK

Dalam BKSS1.0, saya telah mengumumkan Elaun Bulanan Khas kepada petugas barisan hadapan yang menanganibabak COVID-19, iaitu kakitangan Perubatan, Imigresen dan PDRM, petugas Bilik Gerakan Negeri, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan anggota RELA sebagai penghargaan atas sumbangan dan pengorbanan mereka.

Kerajaan Sarawak juga amat menghargai sumbangan dan pengorbanan anggota barisan hadapan lain yang turut terlibat secara langsung dalam pengurusan wabak COVID-19 dan terdedah kepada risiko jangkitan semasa menjalankan tugas di Sarawak.

Dalam hal ini, saya telah bersetuju supaya Elaun Bulanan Khas kepada petugas barisan hadapan sebanyak **RM200** untuk enam bulan juga diberikan kepada:

- (1) **358** anggota Kastam DiRaja Malaysia yang menjalankan tugas di semua pintu masuk sempadan, pelabuhan dan lapangan terbang di seluruh Sarawak;
- (2) **870** kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan yang membantu melaksanakan tugas perkhidmatan kecemasan, kerja-kerja pemeriksaan dan sanitasi di seluruh Sarawak;
- (3) **887** anggota BOMBA dan Penyelamat dalam menjalankan perkhidmatan kecemasan dan kerja-kerja sanitasi, khususnya di kawasan berisiko tinggi; dan
- (4) **500** anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang membantu pihak PDRM dan ATM dalam memastikan pelaksanaan PKP dipatuhi sepenuhnya.

Kerajaan Sarawak akan membelanjakan **RM3.2 juta** untuk membayar Elaun Bulanan Khas ini.

LANGKAH 4: INSENTIF UNTUK PEMILIK DAN PENGENDALI PENAMBANG YANG BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK (SRB)

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan penurunan drastik pengguna penambang khususnya para pelancong. Ini telah menjejaskan pendapatan pemilik dan pengendali penambang di seluruh Sarawak.

Kerajaan Sarawak prihatin dengan nasib pengusaha penambang. Oleh itu, bantuan tunai secara *one-off* iaitu sekali sebanyak **RM500** akan diberi kepada pemilik dan pengendali penambang berdaftar di Sarawak.

Bantuan ini akan memberi manfaat kepada **199** pemilik dan pengendali penambang dan diharap dapat mengurangkan beban kewangan mereka.

Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM99,500**.

LANGKAH 5: INSENTIF UNTUK PENGENDALI VAN PENUMPANG, PEMANDU TEKSI, PENGENDALI BAS DAN VAN SEKOLAH YANG BERDAFTAR DI SARAWAK

Kerajaan Sarawak amat prihatin dengan kehilangan punca pendapatan pengendali van penumpang, pemandu teksi, pengendali bas dan van sekolah yang berdaftar di Sarawak akibat wabak ini.

Kerajaan Sarawak menghargai sumbangan mereka dalam membantu urusan sehariankita. Mereka menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada pelajar – pelajar sekolah kita, para pelawat dan pelancong yang datang ke Sarawak dan rakyat tempatan yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Sarawak akan menyediakan bantuan kewangan secara *one-off* iaitu sekali sebanyak **RM600** kepada **959** pengendali van penumpang, **1,976** pemandu teksi dan **739** pengendali bas dan van sekolah yang berdaftar di Sarawak.

Bantuan ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM2.20 juta**.

LANGKAH 6: GERAN KHAS KEPADA PEMANDU PELANCONG DAN PEMANDU PELANCONG TAMAN NEGARA YANG BERLESEN

Industri pelancongan merupakan industri yang paling terjejas akibat wabak COVID-19. Perkara ini telah menyebabkan agensi pelancongan di Sarawak kehilangan sumber pendapatan kerana pembatalan lawatan oleh pelancong dan tidak ada tempahan untuk 6 bulan yang akan datang.

Oleh yang demikian, Pemandu Pelancong dan Pemandu Pelancong Taman Negara di Sarawak turut terkesan akibat situasi ini dan ramai mungkin akan hilang pekerjaan dan punca pendapatan.

Bagi meringankan beban kewangan mereka, Kerajaan Sarawak akan memberi Geran Khas secara one-off iaitu sekali sebanyak **RM1,500** kepada **145** Pemandu Pelancong dan **113** Pemandu Pelancong Taman Negara yang berdaftar di Sarawak.

Pemberian Geran Khas ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM387,000**.

LANGKAH 7: PERKHIDMATAN CAWANGAN BANK BERGERAK BSN YANG DILENGKAPI DENGAN MESIN ATM MEPS KE KAWASAN LUAR BANDAR

Untuk meringankan beban rakyat terutama golongan berpendapatan rendah:

- (1) Kerajaan Sarawak telah memberi bantuan tunai melalui Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS); manakala
- (2) Kerajaan Persekutuan pula melalui Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

Bantuan tunai ini disalurkan melalui perkhidmatan bank khususnya Bank Simpanan Nasional (BSN).

Namun, terdapat rakyat di kawasan luar bandar mengalami kesukaran untuk mendapat akses kepada perkhidmatan bank kerana tidak ada perkhidmatan bank di luar bandar.

Untuk mengatasi masalah penduduk luar bandar ini, saya telah membuat inisiatif untuk bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan beberapa institusi kewangan lain untuk menyediakan perkhidmatan perbankan mereka ke kawasan luar bandar.

Saya ingin memaklumkan bahawa Perkhidmatan Cawangan Bank Bergerak yang dilengkapi dengan Mesin ATM MEPS akan beroperasi di luar bandar Sarawak.

Oleh yang demikian, Kerajaan Sarawak akan memperuntukkan **RM1.6 million** sebagai perbelanjaan modal kepada BSN bagi mengendalikan Perkhidmatan Cawangan Bank Bergerak untuk memberi perkhidmatan perbankan kepada masyarakat di luar bandar Sarawak.

Sebagai permulaan, kaunter bergerak BSN akan beroperasi di Pakan, Sarikei pada 10 hingga 11 Mei 2020 dan perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi ke kawasan lain di luar bandar Sarawak.

Saya juga ingin mengumumkan bantuan one-off RM1500 kepada ahli-ahli media (anggaran 500 ahli) untuk menghargai sumbangan media.

IMPLIKASI KEWANGAN

Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 3.0 akan melibatkan suntikan dana berjumlah **RM0.30 bilion** (RM300 juta) kepada ekonomi Sarawak. Suntikan dana ini merupakan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sepenuhnya.

Secara keseluruhannya, jumlah suntikan dana kepada ekonomi Sarawak melalui Pakej Bantuan Khas Sarawakku

Sayang (BKSS) 2020 adalah berjumlah **RM2.55 bilion** iaitu melalui:

- (1) BKSS 1.0 berjumlah **RM1.15 bilion**;
- (2) BKSS 2.0 berjumlah **RM1.11 bilion**; dan
- (3) BKSS 3.0 berjumlah **RM0.30 bilion**.

KESIMPULAN

Saya berharap Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 3.0 dapat meringankan beban kewangan rakyat dan para peniaga yang terkesan akibat wabak ini. Dalam keadaan yang sukar sekarang ini, saya juga berharap bantuan ini dapat membantu memulihkan ekonomi kita dan dapat menyediakan landasan yang kukuh untuk terus makmur pada masa hadapan.